


8. Tanggalkan batang gandar belakang, pelaras rantai pemacu, kolar tepi dan roda belakang daripada swingarm.



Pemasangan

1. Untuk pemasangan roda belakang, ikut prosedur menanggalkan roda secara berlawanan.
2. Ketatkan nat gandar belakang.

Tork: 59 N·m (6.0 kgf·m, 44 lbf·ft)

3. Ketatkan nat lengan penahan brek.

Tork: 22 N·m (2.2 kgf·m, 16 lbf·ft)

4. Laraskan kelegaan pedal brek belakang. ► MS. 64
5. Laraskan kelegaan rantai pemacu. ► MS. 70
6. Selepas memasang roda, cuba pedal brek beberapa kali dan periksa sama ada roda berputar dengan lancar. Periksa sekali lagi jika putaran roda atau fungsi brek kurang elok.

Jika sepana tork tidak digunakan untuk pemasangan, rujuk dengan wakil pengedar anda dengan segera untuk memastikan pemasangan yang betul.

Pemasangan yang tidak betul akan menyebabkan kehilangan kapasiti brek.

Cemat baji lama mungkin tidak berkesan untuk mengukuhkan pengikat. Sentiasa gantikan cemat baji dengan yang baru.